

Hak Tukar Agama Dalam Perlembagaan Malaysia: Konflik Antara Kebebasan Beragama dan Hukum Islam*

Mohamed Azam Mohamed Adil

Abstract

The question of freedom of religion is both emphasised in the Qur'an and in the Federal Constitution of Malaysia. It is however, on one side the Islamic jurists agreed that freedom of religion is guaranteed, on the other hand, apostates seem to have committed an offence under the Islamic Criminal Law. The punishment seems to have a conflict particularly with reference to Article 11 (1) and 5 (1) of the Federal Constitution. This article attempts to discuss the question of apostasy from the Islamic and Malaysian Laws perspectives with special reference to the issue of fundamental right of freedom of religion. It also highlights the conflict of laws that surrounding the punishment of apostasy in various respective states' laws in Malaysia.

1. Pendahuluan

Kebangkitan Islam di seluruh pelusuk dunia Islam dalam dua dekad kebelakangan ini menyaksikan seruan rakyat negara-negara tersebut untuk melaksanakan undang-

undang Islam keseluruhannya terutamanya dalam undang-undang jenayah Islam dan undang-undang komersial Islam. Di antara negara-negara Islam yang sudah memperkenalkan undang-undang jenayah Islam ialah Arab Saudi, Iran, Pakistan dan Sudan.¹ Sehubungan dengan itu, perbincangan mengenai undang-undang jenayah Islam sangat menarik minat para cendekiawan seluruh dunia tanpa mengira latar belakang agama. Salah satu sebab yang merencakkan perbahasan ini ialah hubungkait undang-undang jenayah Islam dengan persoalan hak-hak asasi manusia. Seperti yang diutarakan oleh Ann Elizabeth Mayer, “salah satu perkara yang dianggap penting dalam hak-hak asasi manusia menurut Islam ialah penggunaan kriteria-kriteria Islam untuk menyekat hak-hak asasi tersebut.”² Sekatan-sekatan dalam hak-hak asasi manusia dapat dilihat dalam persoalan undang-undang murtad. Sebenarnya, hak kebebasan beragama telah termaktub dalam undang-undang Islam dan Perlembagaan Persekutuan. Tetapi sekali pandang, hak kebebasan beragama dari perspektif undang-undang Islam mengikut kefahaman majoriti ulama seolah-olah nampaknya berat sebelah. Sedangkan seseorang individu diberi kebebasan memilih agama yang hendak dianutnya, majoriti ulama nampaknya melarang keras penganutnya dari meninggalkan agamanya dengan dikenakan hukuman yang berat iaitu dibunuh. Persoalannya, apakah benar fahaman yang mengatakan seseorang yang keluar Islam (murtad) hendaklah dibunuh setelah enggan bertaubat? Atau hukuman ini hanya ketentuan Allah di mana seseorang yang keluar Islam akan disiksa di akhirat tanpa sebarang tindakan dikenakan di dunia ini.³ Dengan merujuk kepada ayat 256, surah al-Baqarah, tendensi golongan modernis (ulama-ulama kontemporari) lebih cenderung mengatakan bahawa seseorang yang murtad secara menyendiri (diam-diam) tidak dikenakan apa-apa bentuk hukuman di dunia kecuali mereka yang terang-terang menghina dan mengkhinai Islam.⁴

Persoalan keluar agama Islam juga merupakan persoalan undang-undang di Malaysia. Ini jelas kerana Perkara 11 (1), Perlembagaan Persekutuan menjamin hak seseorang untuk menganuti apa-apa agama: “Tiap-tiap orang adalah berhak menganuti dan mengamalkan ugamanya dan tertakluk kepada Fasal (4), mengembangkan agamanya.”⁵ Peruntukan ini jelas memberi kebebasan kepada setiap warganegara Malaysia untuk menganuti apa-apa agama tetapi tertakluk kepada Fasal (4) membenarkan undang-undang negeri dan persekutuan (bagi Wilayah Persekutuan) untuk mengawal atau membatasi pengembangan mana-mana kepercayaan umat Islam. Persoalannya, apakah kebebasan sepenuhnya diberi kepada warganegara Malaysia untuk menganuti agamanya? Apakah seseorang itu pula bebas untuk keluar dari agama Islam (murtad)? Makalah ini cuba mengupas konflik yang bukan sahaja timbul antara kedua undang-undang iaitu undang-undang Islam dan undang-undang Perlembagaan tetapi akan melihat perbahasan hebat antara para ulama dalam menentukan hak sebenar seseorang untuk menganuti

agamanya. Makalah ini juga turut memaparkan bagaimana hukuman bunuh seperti yang diutarakan oleh majoriti ulama terhadap orang murtad menampakkan seolah-olahnya wujud pertentangan atau konflik antara hak seseorang untuk menganuti agama dan hukuman bunuh ke atasnya. Lagipun, kalau mengambil pendekatan hukuman ta'zir sekali pun, tidak memungkinkannya undang-undang murtad dapat dilaksanakan di Malaysia atas alasan ia menyalahi peruntukan undang-undang yang sedia ada terutama dalam peruntukan Perkara 11(1) kebebasan beragama, Perkara 5 (1) kebebasan individu⁶ dan Perkara 4(1) yang menetapkan bahawa Perlembagaan Persekutuan merupakan undang-undang tertinggi Persekutuan dan mana-mana undang-undang yang digubal selepas Hari Merdeka, bercanggah dengan Perlembagaan ini, akan termansuh dengan sendirinya setakat mana percanggahan tersebut.”⁷

2. Hak Asasi Manusia dan Kebebasan Beragama: Suatu Tinjauan Sejarah

Pengertian hak asasi manusia yang dikatakan bertunjang dari Barat sebenarnya bukanlah suatu yang asing dalam kamus Islam. Walaupun hak-hak asasi manusia seperti mana yang difahami hari ini berasal dari Barat dan kemudiannya diisytiharkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), intipati konsep tersebut terdapat dalam ajaran Islam.⁸ Semenjak zaman Rasulullah s.‘a.w lagi, peruntukan khusus untuk hak-hak asasi manusia telah dimetri dan dimasyhurkan. *Sahifah Madinah* atau juga dikenali dengan Piagam atau Perlembagaan Madinah adalah salah satu contoh yang sering dikemukakan oleh para sarjana Islam bahawa Islam tidak mengabaikan kehendak hak-hak asasi manusia.⁹ Walau bagaimanapun, terdapat sesetengah orientalist memperkecilkan hak-hak asasi manusia Islam. Di antara mereka, Joseph Schacht sebagai berkata:

“Islamic law is a system of duties, ritual obligations all of which are sanctioned by the same religious command.”¹⁰

Manakala Henry Siegmen berpendapat:

“Here is no such abstraction as individual rights could have been existed in Islam what he has only obligations.”¹¹

Meskipun begitu, konsep hak asasi manusia seperti mana yang terkandung dalam acuan Barat hanyalah dikenali di negara-negara Islam setelah Perang Dunia Kedua. Walaupun prinsip-prinsip ini mempunyai persamaan dengan Islam, manifestasi terhadap konsep ini hanya diterima oleh majoriti negara-negara Islam apabila PBB meluluskan Deklarasi Sejagat Mengenai Hak-hak Asasi Manusia (Universal Declaration of Human Rights – UDHR) pada tahun 1948.¹² Bagi negara-

negara Islam, debat mengenai isu ini tidak terhenti pada tahun 1948, malah ia hebat diperbahaskan dalam persidangan-persidangan antarabangsa. Salah satu contoh yang ketara ialah Perisytiharan Sejagat Hak-hak Asasi Manusia Menurut Islam (Universal Islamic Declaration of Human Rights - UIDHR) pada tahun 1981 oleh Pertubuhan Negara-negara Islam (Organisation of Islamic Conference - OIC) dan Perisytiharan Hak-hak Asasi Manusia, Kaherah pada tahun 1990, menyaksikan subjek hak-hak asasi manusia dianggap agenda penting bagi negara-negara Islam.¹³

Kefahaman mengenai kebebasan beragama khususnya merupakan salah satu perbahasan dalam hak-hak asasi manusia. UDHR sebagai contoh telah menyumbang perbahasan ke arah ini. Perkara 18 Deklarasi tersebut mendefinisikan kebebasan beragama sebagai:

“Everybody has the right to freedom of thought, conscience and religion; this right includes freedom to change his religion or belief, and freedom, either alone or in community with others and in public or private, to manifest his religion or belief in teaching, practice, worship and observance.”

Di awal perdebatan mengenai peruntukan dalam Perkara ini di PBB, wakil dari Arab Saudi menentang keras peruntukan tersebut dengan alasan bahawa agama Islam melarang keras seseorang itu keluar dari Islam (murtad).¹⁴ Walau bagaimanapun wakil dari Pakistan menyokong penuh peruntukan yang ada dalam Perkara tersebut dengan alasan bahawa Islam juga mengamalkan prinsip kebebasan beragama.¹⁵ Dan apabila tiba masanya untuk meluluskan Deklarasi tersebut, hanya Arab Saudi dari kalangan negara-negara Islam yang berkecuali dengan disokong oleh Afrika Selatan dan negara-negara Blok Komunis.¹⁶ Walau bagaimanapun, pada tahun 1972, Piagam Pertubuhan Negara-negara Islam mengisytiharkan bahawa peruntukan mengenai hak-hak asasi manusia seperti yang terkandung dalam undang-undang antarabangsa adalah selari dengan nilai-nilai Islam.¹⁷

Deklarasi demi deklarasi dan konvensyen demi konvensyen yang menyokong hak individu untuk bebas beragama menunjukkan bahawa hak asasi manusia ini tidak hanya bernoktah pada tahun 1948. Seruan-seruan supaya manusia diberi hak untuk memilih agama yang dianutnya termeteri dalam Geneva Convention of 1949, the International Labour Organisation Convention Concerning Discrimination in Respect of Employment and Occupation of 1958, the UNESCO Convention Against Discrimination in Education of 1960, the United Nations (UN) Declaration of Elimination of All Forms of Racial Discrimination of 1963, the International Covenant on Civil and Political Rights of 1966 (ICCPR), dan the UN Declaration on the Elimination of All Forms of Intolerance and Discrimination Based on Religion or Belief of 1981.¹⁸

3. Kebebasan Agama Menurut Persepsi Islam

Konsep kebebasan beragama menurut acuan Islam berbeza dengan persepsi Barat. Berbeza dengan tafsiran Barat yang mengasingkan gereja (agama) dan negara, iaitu berasaskan negara sekular, Islam tidak mengasingkan agama dengan negara. Persepsi Islam mengenai agama tidak hanya meliputi kehidupan peribadi manusia sahaja malah “merangkumi keseluruhan hidup berindividu dan bermasyarakat, material dan moral, ekonomi dan politik, perundangan dan kebudayaan, kebangsaan dan antarabangsa.”¹⁹

Menurut Hammūdah ‘Abdatī, di sisi kaca mata Islam, “setiap individu dilahirkan bersih (fitrah) bebas dari perhambaan, dosa, dan kasta.”²⁰ Walaupun manusia dilahirkan bebas (*born free*), kebebasan yang diberikan tidaklah bersifat mutlak kerana kebebasan mutlak hanya milik Allah SWT.²¹

Dalam Islam, setiap individu mempunyai hak kebebasan beragama, mengamalkan dan beribadat mengikut agama yang dianutinya. Justeru itu, setiap manusia juga diberi kebebasan mutlak untuk memilih mana-mana agama untuk dianutinya. Ini dijelaskan dalam al-Qur’an:

*“Maka barang siapa yang ingin (beriman) hendaklah ia beriman, dan barang siapa yang ingin (kafir) biarlah ia kafir.”*²²

Al-Qur’an juga secara terang menekankan bahawa dalam keadaan mana pun seseorang itu tidak boleh dipaksa untuk menganuti agama atau kepercayaan yang berlawanan dengan kehendaknya. Ini sesuai dengan firman Allah:

*“Tidak ada paksaan untuk (memasuki) agama (Islam).”*²³

Sebenarnya, terdapat dua tendensi apabila memperkatakan kebebasan beragama dalam Islam. Sekali pandang menyaksikan bahawa Islam memberi kebebasan mutlak bagi manusia untuk memilih agama yang hendak dianutinya, tetapi pandangan yang lain pula mengatakan kebebasan yang berkaitan dengan iktikad dan kepercayaan agama tidaklah bersifat mutlak. Konsep kebebasan menganuti dan beragama pada anggapan Katerina Dalacoura dinafikan dalam doktrin Islam. Memberi contoh murtad, beliau beranggapan hukuman bunuh ke atas orang murtad sangat bercanggah dengan hak kebebasan beragama seperti yang terkandung dalam ayat al-Qur’an: *“Tidak ada paksaan untuk (memasuki) agama (Islam).”*²⁴ Bagi majoriti cendekiawan Islam, kebebasan beragama adalah tidak mutlak dan seseorang Islam itu dilarang keras dari keluar dari agamanya (murtad) demi untuk menjaga integriti agama Islam itu sendiri.²⁵ Mereka turut beanggapan bahawa kemaslahatan umum hendaklah diutamakan dari kemaslahatan individu.²⁶ Justeru itu, kebebasan beragama yang diberikan kepada setiap individu tertakluk

dengan syarat selagi mana ia tidak melanggar undang-undang Tuhan atau mengambil hak orang lain. Sekatan-sekatan hanya boleh dikenakan ke atas mereka yang cuba merosakkan masyarakat umum demi mempertahankan kemaslahatan umum.²⁷

Ramai juga para cendekiawan Islam dan orientalist yang berpendapat bahawa seseorang Islam yang keluar Islam (murtad) hendaklah dijatuhkan hukuman bunuh. Mereka seolah-olah bersetuju dengan pandangan ulama tradisional bahawa konsep kebebasan beragama hanya terpakai ke atas orang bukan Islam dan pemelukan orang bukan Islam kepada Islam sahaja. Apabila seseorang itu menjadi orang Islam, adalah dikatakan bahawa orang itu tidak lagi diberi kebebasan untuk meninggalkan agamanya (Islam).²⁸ Sebagai contohnya, seorang orientalist yang bernama Bernard Lewis mengatakan:

“From a Muslim religious point of view, this discrepancy is both logical and proper. To promote the true faith is a divine commandment. To abandon it or to persuade another to do so, is both a major sin and a capital crime.”²⁹

Tetapi pandangan ini juga boleh dipertikaikan sekiranya seseorang yang murtad tanpa merosakkan agamanya yakni tidak mendurhaka atau mengkhianati agamanya, hak untuk keluar dari agama Islam ini seharusnya tidak diganggu, lebih-lebih lagi dikenakan hukuman fizikal kerana hak untuk menghukum orang ini telah ditetapkan oleh Allah di akhirat.³⁰

Manakala bagi orang-orang bukan Islam seperti *Kāfir dhimmī*, terdapat pandangan yang mengatakan mereka sebenarnya tidak diberi hak kebebasan beragama tetapi toleransi agama.³¹ Ini kerana mereka tidak diberi peluang untuk menjawat jawatan-jawatan penting negara dan dikenakan cukai kepala (*jizyah*) atau *poll-tax*.³² Sehubungan dengan itu, menurut majoriti ulama, negara Islam dimestikan memberi hak kebebasan beragama dan mengamalkan agama yang dianuti oleh golongan *dhimmī* selagi mana mereka tidak menyalahgunakan hak keistimewaan yang diberi dan mengancam keselamatan dan intergriti negara.³³

4. Undang-undang Murtad: Suatu Perbahasan Intelek

Perkataan murtad berasal dari Bahasa Arab iaitu *riddah* atau *irtidād* di mana dari sudut bahasa membawa maksud kembali atau rujuk iaitu kembali daripada sesuatu kepada sesuatu yang lain.³⁴ Manakala dari segi istilah pula, murtad membawa maksud keluar dari agama Islam sama ada melalui perbuatan, perkataan dan iktikad.³⁵

Terdapat juga pandangan yang mengatakan bahawa seseorang Islam juga dianggap murtad sekiranya ia mencampakkan al-Qur'an, mencerca Rasulullah s. 'a.w, menafikan kefarduan solat, zakat, atau dengan sengaja meminum arak dan terlibat dengan perbuatan zina.³⁶

4.1 Kesalahan Murtad: Antara Hukuman *Hudūd* Atau *Ta'zīr*?

Sebelum dibincangkan persoalan sama ada kesalahan murtad dikategorikan di bawah *hudūd* atau *ta'zīr*, eloklah dimulakan perbahasan mengenai undang-undang jenayah Islam itu sendiri. Para fuqaha' membahagikan undang-undang jenayah Islam kepada tiga kategori iaitu, *hudūd*, *qisās* dan *ta'zīr*. *Hudūd* (perkataan jamak dari *ḥadd*) merujuk kepada kesalahan-kesalahan yang mana hukumannya telah ditentukan tanpa sebarang budibicara. Manakala *Qisās* pula, merangkumi pembunuhan dan mencederakan yang mana bentuk hukumannya adalah balasan balik (*retaliatiōn*) atau bayaran diyat kepada waris si mangsa. *Ta'zīr* pula meliputi apa-apa kesalahan yang selain dari *hudūd* dan *qisās* yang mana ia banyak terletak ke atas budibicara hakim dan pemerintah. Ia juga merujuk kepada kesalahan-kesalahan *hudūd* yang penyaksian dan pembuktiannya tidak mencapai syarat yang dikehendaki untuk menjatuhkan hukuman *hudūd*.³⁷ Walau bagaimanapun, ulama berbeza pendapat mengenai jumlah kesalahan yang dikategorikan di bawah *hudūd*. Menurut Al-Na'īm, ulama tidak sependapat dalam mengatakan sama ada kesalahan-kesalahan hudud hanyalah yang termaktub dalam al-Qur'an atau ia juga meliputi al-Sunnah sahaja? Menurut majoriti fuqaha', kesalahan-kesalahan hudud dijelaskan dalam al-Qur'an dan al-Sunnah.³⁸ Sesetengah fuqaha' mengenal pasti enam kesalahan di bawah hudud yang meliputi *sariqah* (mencuri), *ḥirābah* (merompak), *zinā* (persetubuhan haram), *qadhif* (menuduh orang baik melakukan persetubuhan haram tanpa membawa empat orang saksi), *shurb* (minum arak atau minuman memabukkan) dan *irtidād* atau *riddah* (murtad).³⁹ Walau bagaimanapun, fuqaha' dari mazhab Ḥanafī tidak memasukkan kesalahan murtad di bawah kategori *hudūd*.⁴⁰ Al-Kāsānī sebagai contohnya beranggapan hanya terdapat enam kesalahan-kesalahan di bawah *hudūd* iaitu *sariqah*, *zinā*, *shurb*, *sakr*, *qadhif* dan *qaṭ' al-ṭariq*.⁴¹ Manakala fatwa popular dalam mazhab Ḥanafī iaitu *al-Fatāwā al-'Alamgiriyyah* menyebut lima kesalahan *hudūd* iaitu *zinā*, *shurb*, *qadhif*, *sariqah* dan *qaṭ' al-ṭariq*.⁴² Meskipun begitu, sesetengah fuqaha' menambah kepada tujuh iaitu *al-baghy* yang melibatkan perdurhaka atau pengkhianat negara iaitu orang yang menentang pemerintah Islam.⁴³

Sebenarnya, al-Qur'an hanya menyebut empat jenis kesalahan di bawah *hudūd* iaitu *sariqah*, *ḥirābah*, *zinā* dan *qadhif*. Bagi kesalahan *shurb*, tiada bentuk hukuman tertentu yang disebut dalam al-Qur'an dan al-Sunnah. Begitu juga bagi kesalahan murtad, bagaimana para fuqaha' tradisional meletakkan hukuman bunuh ke atas

orang murtad sedangkan dalam masa yang sama al-Qur'an menegaskan bahawa tidak ada paksaan dalam agama⁴⁴ dan Hadith-hadith yang menyebut bahawa golongan ini dihukum mati ditolak oleh sesetengah fuqaha' yang lain.⁴⁵

Seperti yang pernah diutarakan di awal makalah ini bahawa persoalan sama ada kesalahan murtad dikategorikan di bawah kesalahan *ḥudūd* atau *ta'zīr* tidak mendapat persepakatan fuqaha'. Majoriti fuqaha' berpendapat bahawa seseorang yang murtad hendaklah dibunuh berikutan kesalahan tersebut dikategorikan di bawah *ḥudūd*. Bagi pandangan minoriti fuqaha' pula, hukuman ke atas orang murtad hanyalah bersifat *ta'zīr* sahaja.⁴⁶ Sesetengah fuqaha' pula beranggapan bahawa orang yang murtad bebas dari segala bentuk hukuman memandangkan al-Qur'an membisu mengenai sebarang bentuk hukuman di dunia.⁴⁷ Ini berikutan, walaupun subjek murtad disebut tidak kurang dari tiga belas kali, namun tidak terdapat satu ayat pun yang menyentuh hukuman dijatuhkan di dunia.⁴⁸ Apa yang ada hanyalah hukuman itu ditangguhkan di hari akhirat.⁴⁹ Walaupun demikian, pandangan majoriti yang mengkategorikan *ḥudūd* ke atas orang murtad hanya merujuk kepada Hadith-hadith.⁵⁰ Mohamed S. El-Awa juga turut menyebut bahawa tanggapan hukuman bunuh ke atas orang murtad bukan sahaja didokong oleh majoriti fuqaha' malah disokong oleh sesetengah orientalist Barat.⁵¹

4.2 Hukuman Bunuh: Tafsiran al-Qur'an dan Interpretasi Hadith

Dalam perbincangan sebelum ini, telah dikemukakan bahawa tidak terdapat satu ayat pun dalam al-Qur'an yang menyebut mengenai sebarang hukuman dikenakan ke atas orang murtad. Tambahan pula, tiga belas ayat al-Qur'an yang menyebut mengenai murtad, menegaskan hukuman ke atas orang murtad hanya dikenakan di hari akhirat. Mohamed S. El-Awa memberi beberapa contoh ayat-ayat yang menyentuh perkara ini, di antaranya ialah:

- a) Surah al-Nahl, (16): ayat 106 yang menyebut: *"Barangsiapa yang kafir kepada Allah sesudah dia beriman (dia mendapat kemurkaan Allah), kecuali orang yang dipaksa kafir pada hal hatinya tetap tenang dalam beriman (dia tidak berdosa), akan tetapi orang yang melapangkan dadanya untuk kekafiran, maka kemurkaan Allah menyimpannya dan baginya azab yang besar."* Menurut Mohamed S. El-Awa, ayat ini diturunkan di akhir hayat Nabi di Mekah and adalah jelas menunjukkan bahawa orang yang murtad diancam dengan azab pedih di akhirat.⁵²
- b) Surah al-Baqarah, (2): ayat 217 yang berbunyi: *"Barang siapa yang murtad di antara kamu dari agamanya, lalu dia mati dalam kekafiran, maka mereka itulah yang sia-sia amalannya di dunia dan di akhirat, dan mereka itulah penghuni neraka, mereka kekal di dalamnya."* Ayat ini pula

diturunkan sejourus sahaja Nabi Muḥammad s. 'a.w. berhijrah ke Madinah. Sekali lagi ayat ini membuktikan bahawa orang murtad tidak dikenakan apa-apa hukuman di dunia.⁵³

- c) Surah al-Baqarah, (2): ayat 86-91 juga menegaskan bahawa orang yang murtad hendaklah disiksa tetapi bukan di dunia ini.⁵⁴
- d) Surah al-Mā'idah, (5): ayat 54 menyebut: "*Wahai orang-orang yang beriman, barangsiapa di antara kamu yang murtad dari agamanya, maka kelak Allah akan mendatangkan sesuatu kaum yang Allah mencintainya, yang bersikap lemah lembut terhadap orang yang mu'min, yang bersikap bersikap keras terhadap orang-orang kafir, yang berjihad di jalan Allah, diberikanNya kepada sesiapa yang dikehendakiNya dn Allah Maha Luas (pemberianNya) lagi Maha mengetahui.*"⁵⁵

Mohamed S. El-Awa turut mempertikaikan pandangan Ibn Ḥazm yang mengatakan ayat 256 dari Surah al-Baqarah yang menyebut "*Tidak ada paksaan dalam agama*" telah *dinasakkan* (dimansuhkan) dan oleh yang demikian, hukuman ke atas orang murtad hendaklah dikuatkuasakan. Bagi Mohamed S. El-Awa, dakwaan Ibn Ḥazm itu sama sekali tidak berasas kerana ayat ini tidak disenaraikan di antara ayat-ayat yang telah *dinasakkan* seperti mana yang ditentukan oleh para ulama.⁵⁶

Sebenarnya, pandangan mereka yang mengatakan hukuman bunuh ke atas orang murtad merujuk kepada tiga Hadith:

- a) Dalam satu riwayat dikatakan dua kumpulan yang dikenali dengan 'Ukayl dan 'Urayna telah keluar dari Islam selepas memeluknya. Justeru itu, dikatakan mereka telah dihukum dengan hukuman bunuh oleh Nabi Muhammad s. 'a.w. Walau bagaimanapun, pandangan ini telah ditolak oleh sebahagian fuqaha' yang berpendapat bahawa hukuman bunuh yang dikenakan ke atas mereka bukan kerana mereka keluar Islam (murtad) tetapi kerana mereka merompak (*hirābah*).⁵⁷
- b) Hadith yang diriwayatkan oleh Bukhārī, Muslim dan Abū Dāwūd yang mengatakan "Tidak halal (mengambil) darah (nyawa) seseorang melainkan dengan salah satu daripada tiga sebab iaitu janda atau duda yang berzina, membunuh dan meninggalkan jemaahnya." Berdasarkan Hadith ini, majoriti fuqaha' beranggapan bahawa orang yang murtad (meninggalkan jemaah) hendaklah dihukum bunuh. Walau bagaimanapun, Ibn Taymiyyah mendakwa bahawa jenayah yang dimaksudkan dalam Hadith ini merujuk kepada pengkhianat (*baghy*). Pendekatan ini menurut beliau adalah untuk

menyesuaikan kandungan dalam Hadith ini dengan ayat 33-34 dari Surah al-Mā'idah.⁵⁸

- c) Hadith yang diriwayatkan oleh Ibn 'Abbās di mana dikatakan Nabi Muḥammad s.'a.w. pernah bersabda: "*Sesiapa yang menukar agamanya hendaklah dibunuh.*" Hadith ini merupakan satu-satunya Hadith yang menjadi pegangan kuat majoriti fuqaha' bahawa orang yang murtad wajib dihukum mati.⁵⁹ Tetapi Hadith ini boleh membawa kepada interpretasi yang lain dengan beberapa alasan:

Pertama: Hadith ini dianggap tidak kuat kerana diriwayatkan dalam bentuk *khbar Āḥād*. Oleh yang demikian, mengikut syarat dalam ilmu Usul al-Fiqh, ia tidak kuat bagi mengharuskan hukuman bunuh.⁶⁰

Kedua: Hadith ini didatangi dalam kenyataan umum (*'am*) yang memerlukan kepada pengkhususan (*takhsīs*). Malah al-Shawkānī berpendapat Hadith ini telah dikhususkan dengan ayat 106, Surah al-Nahl yang menyebut: "*Barangsiapa yang kafir kepada Allah sesudah dia beriman (dia mendapat kemurkaan Allah), kecuali orang yang dipaksa kafir pada hal hatinya tetap tenang dalam keimanan (dia tidak berdosa), akan tetapi orang yang melapangkan dadanya untuk kekafiran, baginya azab yang besar.*"⁶¹ Mazhab Ḥanafī juga mengkhususkan maksud umum Hadith ini dengan membawa pendekatan bahawa seseorang wanita yang murtad tidak dihukum bunuh malah dikenakan penjara sahaja. Ini disokong oleh al-Shawkānī di mana hukuman bunuh hanyalah dikenakan ke atas orang murtad yang membawa permusuhan kepada masyarakat dan boleh membawa kepada berperang (*ḥirābah*).⁶²

Ketiga: Yang paling penting sekali ialah ketiadaan bukti kukuh yang menunjukkan bahawa Nabi Muḥammad s.'a.w pernah memaksa seseorang untuk masuk Islam mahupun pernah menjatuhkan hukuman mati ke atas orang yang murtad.⁶³

Meskipun majoriti ulama fiqh menetapkan hukuman bunuh ke atas mereka yang murtad, hukuman itu tidak boleh dilaksanakan kecuali selepas orang murtad itu disuruh bertaubat. Walaupun begitu, para fuqaha' berselisih pendapat dalam konteks taubat. Menurut Imām Mālik, satu pandangan dari Imām Shāfi'ī dan satu pandangan dari Imām Aḥmad Ibn Ḥanbal, orang murtad hendaklah diberi peluang untuk bertaubat dalam masa tiga hari. Ada juga yang melanjutkan tempoh tersebut sehingga dua bulan. Manakala menurut pandangan lain, peluang bertaubat tidak perlu tetapi digalakkan.⁶⁴

5. Kebebasan Beragama Menurut Perlembagaan Persekutuan⁶⁵

Perlembagaan Persekutuan melalui Perkara 11(1) memperuntukkan hak kebebasan beragama di Malaysia di mana: “Tiap-tiap orang adalah berhak menganuti dan mengamalkan ugamanya dan tertakluk kepada Fasal (4), mengembangkan agamanya.” Peruntukan ini jelas memberi kebebasan kepada setiap warganegara Malaysia untuk menganuti apa-apa agama tetapi tertakluk kepada Fasal (4) membenarkan undang-undang negeri dan persekutuan (bagi Wilayah Persekutuan) untuk mengawal atau membatasi pengembangan mana-mana kepercayaan umat Islam.

Perbincangan mengenai konsep kebebasan beragama menurut perundangan Malaysia tidak akan lengkap sekiranya ditinggalkan satu lagi peruntukan yang begitu penting dalam Perlembagaan Persekutuan, iaitu kedudukan agama Islam. Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan memperutukkan: “Islam adalah agama bagi Persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan harmoni di mana-mana bahagian dalam Persekutuan.”

Kedua-dua peruntukan di atas sangat mempunyai kaitan apabila membicarakan persoalan kebebasan beragama dan agama Islam. Malah tafsiran mengenai kedudukan agama Islam teramat penting. Agama Islam diletakkan di tempat yang tinggi mengatasi agama-agama lain di Persekutuan. Walaupun dalam kes *Che Omar bin Che Soh V Public Prosecutor*⁶⁶ mengatakan bahawa “adalah tidak dapat diragui bahawa Islam bukanlah hanya koleksi dogma-dogma dan hanya bersifat peribadatan sahaja malah ia merangkumi satu cara hidup yang meliputi kehidupan individu dan bermasyarakat, perundangan, politik, ekonomi, sosial, kebudayaan, moral dan perundangan,” tetapi pada hakikatnya peruntukan Perkara 3(1) hanyalah untuk menunjukkan bahawa agama Islam tidak lain hanyalah untuk tujuan peribadatan dan diberi tempat semasa majlis-majlis rasmi.⁶⁷ Kenyataan ini dinukilkan dalam keputusan *kes Che Omar* setelah pihak perayu (Che Omar) mendakwa bahawa hukuman mandatori gantung sampai mati yang termaktub dalam Akta Dadah Merbahaya adalah bercanggah dengan Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan kerana dalam undang-undang Islam tidak terdapat hukuman tersebut.⁶⁸

Menurut Profesor Andrew Harding, di samping melindungi kebebasan beragama, peruntukan dalam Perkara 11 juga turut membezakan antara mengamalkan dan mengembangkan agama. Terdapat dua perbezaan ketara yang diperuntukkan antara mengamalkan dan mengembangkan agama. Justeru itu, kebebasan beragama seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan nampaknya juga tidak bersifat mutlak.⁶⁹ Dengan merujuk kepada peruntukan dalam Perkara 11(4), badan perundangan Negeri termasuk di Wilayah-wilayah Persekutuan boleh menggubal undang-undang yang mengawal dan menyekat

penyebaran doktrin dan kepercayaan agama bukan Islam kepada kalangan orang-orang Islam. Berikutan dengan itu, penyebaran agama-agama bukan Islam kepada orang-orang Islam merupakan satu kesalahan jenayah tetapi sebaliknya, penyebaran agama Islam kepada penganut agama-agama lain adalah diharuskan. Hasilnya, kini terdapat sembilan negeri yang telah mempunyai undang-undang mengenai kawalan dan sekatan pengembangan agama-agama bukan Islam.⁷⁰ Sehingga kini, hanya Negeri Pahang sahaja yang menguatkuasakan undang-undang tersebut. Dalam kes *PP v Krishnan a/l Muthu*,⁷¹ mangsa/pengadu Maziah Jusoh telah berkenalan dan bercinta dengan Orang Kena Tuduh (OKT) selama tujuh tahun. OKT mempunyai seorang isteri bernama Marimuthu a/p Subramaniam. Apabila mangsa tidak mangsa tidak mempunyai tempat tinggal, beliau telah memohon kebenaran OKT dan isterinya untuk tinggal bersama. Berlaku beberapa siri pertengkaran antara OKT dan mangsa sehingga membawa kepada pergaduhan fizikal. Mangsa pernah diugut supaya keluar agama Islam untuk menganut agama Hindu. Mangsa juga pernah disuruh bersumpah dengan tokong Hindu dan pernah dilarang dari mendirikan solat. Dua pertuduhan telah dibawa ke hadapan majistret, dan OKT telah dijatuhi hukuman di bawah seksyen 325 Kanun Kesiksaan, di mana beliau telah dikenakan denda sebanyak RM2.000.00, dan seksyen 4(2)(i) Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama-agama Bukan Islam Negeri Pahang 1989 di mana OKT telah dikenakan hukuman denda sebanyak RM1,500.00 dan dipenjara selama 20 hari.

Percubaan kerajaan untuk mengguna pakai Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) bagi membendung kegiatan penyebaran agama Kristian di kalangan orang Melayu telah ditolak oleh Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Agong dengan alasan hak kebebasan seseorang individu untuk beragama tidak boleh dihalang dengan penggunaan undang-undang tersebut (ISA). Dalam kes *Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri lwn. Jamaludin @ Yeshua Jamaludin bin Othman*, responden telah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) kerana didapati menyebarkan agama Kristian kepada orang-orang Melayu. Responden telah keluar agama Islam dan memeluk agama Kristian. Beliau telah memfailkan permohonan writ *habeas corpus* dengan mendakwa bahawa penahanan beliau di bawah ISA adalah berlawanan dengan hak kebebasan beragama, dan ianya tidak boleh disekat melalui tahanan di bawah ISA. Lagipun, hak kebebasan beragama dijamin dalam Perkara 11(1) Perlembagaan Persekutuan.⁷² Keputusan ini telah dipersoalkan oleh ramai pihak kerana kaitan agama dan Melayu tidak boleh dipisahkan. Mengkristiankan orang Melayu bermakna seseorang Melayu itu sudah tidak sempurna sifat kemelayuannya.⁷³

Sekatan-sekatan terhadap kebebasan beragama⁷⁴ juga berlaku dalam penganutan pengembangan agama Islam itu sendiri. Ajaran Islam yang

bermazhabkan Syiah adalah diharamkan sama sekali di Malaysia memandangkan hanya mereka yang bermazhabkan Ahl al-Sunnah Wa al-Jama'ah sahaja diterima. Bagi mereka yang melanggar garisan ini tindakan undang-undang dapat diambil. Sebagai contoh, pengikut dan penganut Syiah telah ditahan di bawah ISA.⁷⁵

Individu dan kumpulan yang menyeleweng dari ajaran agama Islam sebenar pun tertakluk kepada tindakan undang-undang. Pertubuhan al-Arqam telah dibubarkan berikutan penahanan ketuanya, Ashaari Muhammad dan beberapa pemimpin tertinggi pertubuhan itu di bawah ISA pada bulan September 1994.⁷⁶

Penulisan Kassim Ahmad dalam buku *Hadis: Suatu Penilaian Semula* juga turut diharamkan di Malaysia memandangkan ajaran yang terkandung dalam buku itu menyeleweng dari ajaran Islam yang bersumberkan al-Qur'an dan al-Hadith.⁷⁷ Fatwa berkenaan dengan buku ini telah dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan dan kemudiannya oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri-negeri mengharamkan buku tersebut kerana bercanggah dengan ajaran Islam.⁷⁸

Begitu juga terhadap pertubuhan Sisters-in-Islam yang secara lantang mempersoalkan persoalan-persoalan asas dalam perundangan Islam terutamanya mengenai undang-undang hudud menunggu masa tindakan apabila isu sekatan kebebasan beragama ditimbulkan.⁷⁹

Pemakaian purdah oleh wanita Islam yang dipercayai akan kewajipannya juga disekat dengan keputusan Mahkamah Agong. Ini dapat dilihat dalam *Hjh Halimatussaadiah bte Hj Kamaruddin V Public Services Commission, Malaysia & Anor*,⁸⁰ di mana Mahkamah Agong setelah meneliti fatwa yang diberi oleh Mufti Wilayah Persekutuan, membuat keputusan bahawa pemakaian purdah bukanlah wajib dalam Islam malah ia merupakan pakaian tradisi orang-orang Arab. Malah pemakaian serban oleh murid-murid di sekolah juga turut menjadi perdebatan dalam Mahkamah apabila tiga murid sekolah rendah telah dibuang sekolah setelah gagal mematuhi arahan guru besar berkenaan supaya menanggalkan serban dan mengantikannya dengan songkok. Dalam kes *Meor Atiquhrahman bin Ishak & Anor. V Fatimah Bte Sihi & Anor*,⁸¹ pihak-pihak plaintif telah memohon kepada Mahkamah supaya mengisytiharkan pembuangan sekolah oleh guru besar (salah satu dari defendan-defenden) adalah tidak sah, terbatal dan tidak berkesan, dan mereka hendaklah diterima semula belajar disekolah tersebut. Dalam membuat keputusan yang memihak kepada plaintif-plaintif, Mahkamah berpendapat amalan pemakaian serban tersebut adalah menepati hak setiap orang Islam untuk menganut dan mengamalkan ugamanya seperti yang terjamin dalam Perkara 11(1) Perlembagaan Persekutuan dan larangan memakainya adalah bertentangan dengan Perkara 3 dan 11 Perlembagaan Persekutuan. Tambahan pula larangan itu tidak berkait dengan undang-undang am mengenai ketenteraman awam, kesihatan awam

atau akhlak di bawah Perkara 11(5) yang mengatasi Perkara 3 dan 11 Perlembagaan Persekutuan.⁸²

Perkara 11(5) Perlembagaan Persekutuan juga memperuntukkan bahawa kebebasan beragama bukanlah bersifat mutlak kerana walaupun Perkara 11(1) mengatakan bahawa setiap individu berhak menganuti dan mengamalkan agama anutannya, ia hendaklah tidak berlawanan dengan undang-undang am mengenai ketenteraman awam, kesihatan awam dan akhlak awam.⁸³ Mengambil contoh *kes Hjh Halimatussaadiah*, seseorang itu tidak dibenarkan mengamalkan ajaran agamanya (memakai purdah) dengan alasan ianya bercanggah dengan undang-undang awam (dalam hal ini pekeling kerajaan) walaupun secara zahirnya dilihat tidak menggugat ketenteraman awam, kesihatan awam dan kesihatan awam.⁸⁴

6. Undang-undang Murtad di Negeri-negeri di Malaysia

Sekali pandang, peruntukan dalam Perkara 11 (1) Perlembagaan Persekutuan seolah-olah mencerminkan bahawa setiap individu mempunyai hak untuk menganut dan mengamalkan agamanya, tetapi sebaliknya hak kebebasan beragama sebenarnya tidak mutlak apabila persoalan mengenai murtad dibangkitkan. Ini kerana, walaupun Perlembagaan Persekutuan menjamin hak seseorang Islam yang berhasrat untuk meninggalkan agamanya, sesetengah negeri mempunyai peruntukan bahawa mereka yang murtad adalah melakukan kesalahan sama ada di bawah Undang-undang Jenayah Islam atau di bawah Undang-undang Pentadbiran Islam. Sebagai contoh, dapat dilihat dalam seksyen 13 Enakmen Undang-undang Jenayah Syariah Perak, 1992 dan seksyen 29 Enakmen Undang-undang Pentadbiran Islam Terengganu, 1996 yang memperuntukkan bahawa barangsiapa yang berhasrat untuk meninggalkan agama Islam atau mengisytiharkan bahawa beliau telah meninggalkan agama Islam, boleh dikenakan denda sehingga RM 3,000.00 atau dihukum penjara tidak kurang dari dua tahun (di Perak) dan tidak kurang dari setahun (di Terengganu) atau kedua-duanya sekali. Meskipun begitu, sehingga kini (makalah ini ditulis) belum terdapat kes yang dilaporkan mengenai kesalahan murtad di Mahkamah Syariah.⁸⁵

Sehingga makalah ini ditulis, tidak semua negeri-negeri di Malaysia yang mempunyai peruntukan mengenai murtad. Malah buat masa ini, hanya tiga negeri iaitu Melaka, Negeri Sembilan dan Kelantan yang mempunyai peruntukan mengenai prosedur menangkap, menahan dan memujuk orang yang keluar Islam supaya bertaubat. Negeri-negeri lain masih belum memperkenalkan peruntukan seumpama itu.⁸⁶ Kalau negeri-negeri lain mempunyai peruntukan mengenai hukuman ke atas orang murtad, namun undang-undang berkaitan hukuman itu tidak selaras antara satu negeri dengan yang lain. Ini dapat dilihat dalam Undang-undang

Pentadbiran Islam Terengganu, 1996 dan Enakmen Undang-undang Jenayah Syariah Perak, 1992 yang memperuntukkan penalti sehingga RM 3,000.00 atau hukuman penjara tidak kurang dari setahun atau kedua-duanya sekali.⁸⁷ Bagi sesetengah negeri pula seperti Sabah dan Kelantan, seseorang Islam yang keluar Islam atau berhasrat untuk keluar Islam boleh ditahan di Pusat Pemulihan Aqidah untuk suatu jangka masa tidak lebih dari 36 bulan dan di Melaka yang hanya memperuntukkan penahanan selama 6 bulan.⁸⁸ Berbeza dengan Sabah, Kelantan dan Melaka, Negeri Sembilan tidak mempunyai peruntukan mengenai penahanan bagi orang yang berhasrat atau keluar Islam. Apa yang diperuntukkan dalam Enakmen Undang-undang Pentadbiran Islam Negeri Sembilan, 1991 ialah sejurus apabila seseorang hakim di Mahkamah Tinggi Syariah mendengar permohonan tersebut, pihak hakim hendaklah menengguhkan pendengaran kes berkenaan untuk suatu tempoh selama 30 hari dan pihak pemohon akan diserahkan kepada pihak Mufti untuk tujuan kaunseling. Selepas tempoh 30 hari berakhir, hakim berkenaan boleh mengisytiharkan bahawa pemohon berkenaan bukan lagi beragama Islam atau sebaliknya. Tiada sebarang bentuk hukuman atau penahanan mandatori diperuntukkan dalam Enakmen berkenaan.⁸⁹

Nampaknya peruntukan yang terdapat di Sabah, Kelantan dan Melaka yang memperuntukkan penahanan mandatori di Pusat Pemulihan Aqidah bercanggah dengan hak kebebasan beragama seperti mana yang diperuntukkan dalam Perkara 11(1) Perlembagaan Persekutuan dan juga mencabuli hak kebebasan individu seperti mana yang terdapat dalam Perkara 5(1) Perlembagaan Persekutuan. Peruntukan-peruntukan yang lebih kurang sama juga dapat dikesan dalam Rang Undang-undang Pelindungan Aqidah di Perlis dan Selangor. Rang Undang-undang tersebut memperuntukkan penahanan yang sama di Pusat Pemulihan Aqidah untuk tempoh tidak melebihi satu tahun.⁹⁰

7. Kesimpulan

Melihat kepada perbincangan di atas, dapat dirumuskan bahawa pandangan majoriti fuqaha' terutama dari golongan tradisional berpegang kepada hukuman mati bagi orang yang murtad kerana kesalahan ini dikategorikan di bawah hudud. Pandangan ini disanggah oleh golongan minoriti yang berpendapat bahawa hukuman orang murtad terletak di bawah kategori *ta'zir*. Meskipun begitu, terdapat para sarjana Islam kontemporari atau dikenali juga dengan modernis yang membawa pendekatan bahawa kesalahan *riddah* secara diam-diam tanpa mengancam Islam tidak dikenakan sebarang hukuman di dunia kerana hukuman tersebut bersifat keakhiratan.

Justeru itu, melihat senario kepelbagaian agama dan bangsa di Malaysia, sebarang usaha untuk memperkenalkan undang-undang murtad haruslah dihalusi terlebih dahulu. Adalah tidak tepat bagi sesetengah pandangan yang mengatakan bahawa undang-undang murtad boleh diperkenalkan dengan alasan bahawa Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan mengizinkannya.⁹¹ Justeru, melihat kepada peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan, seseorang Islam yang murtad tidak dianggap salah bahkan hak kebebasan beragama dijamin dalam Perkara 11(1) Perlembagaan Persekutuan. Adalah perlu ditegaskan bahawa undang-undang murtad secara terang-terang telah mencabuli Perkara 18 UDHR, 1948 dan juga ICCPR, 1966. Undang-undang seumpama ini dikatakan bercanggah dengan hak individu walaupun cadangan dalam Rang Undang-undang Perlindungan Aqidah di Perlis dan Selangor memberi kuasa kepada Mahkamah Syariah menahan orang murtad untuk tujuan bertaubat. Ia juga bercanggah dengan Perkara 4(1) yang memperuntukkan “Undang-undang ini merupakan undang-undang tertinggi Persekutuan, dan mana-mana undang-undang yang diluluskan selepas Hari Merdeka, bercanggah dengan Perlembagaan ini akan terbatal setakat mana percanggahan tersebut.” Peruntukan undang-undang murtad yang sedia ada di negeri-negeri seperti di Terengganu dan Perak yang mengenakan hukuman penjara ke atas orang murtad; dan negeri-negeri seperti di Sabah, Kelantan dan Melaka yang memperuntukkan penahanan di pusat-pusat pemulihan aqidah untuk tujuan kaunseling dan taubat, nampaknya juga bercanggah dengan Perkara 5(1) Perlembagaan Persekutuan yang menjamin kebebasan individu di sisi undang-undang. Justeru itu, suatu pindaan Perlembagaan secara besar-besaran hendaklah dibuat kalau mahu hukuman atau tahanan dibuat ke atas orang murtad. Buat masa sekarang, cadangan oleh Profesor Shad Faruqi supaya penguatkuasaan seksyen 298 and 298A Kanun Kesiksaan dapat digunakan bagi membentaras kes-kes murtad.⁹²

Nota Hujung

- * Asas-asas pemikiran awal dalam makalah ini merujuk kepada Kertas Cadangan (*Proposal Paper*) dan Kertas Kerja Teori (*Theory Paper*) (2001/2) yang merupakan suatu keperluan dalam pengajian Ph.D yang kini sedang diikuti oleh penulis di Fakulti Undang-undang dan Sains Sosial, School of Oriental and African Studies, (SOAS), University of London atas tajuk “The Malaysian State and Freedom of Religion: A Conceptual Analysis With Particular Reference to Law of Apostasy;” dan makalah yang ditulis oleh penulis “Undang-undang Murtad: Suatu Penelitian Dari Perspektif Fiqh dan Undang-undang di Malaysia”, [Mac 1997] 9 *KANUN* (1), h. 1-11 dan kertas kerja yang berjudul “Peruntukan Undang-undang Murtad di Malaysia: Realiti, Cabaran dan Harapan” dalam *Seminar Faham Agama Dan Gejala Murtad* anjuran Jabatan Agama Islam Negeri Sembilan di Seremban pada 25 Oktober 1998, h. 45-68.
1. Lihat Ann Elizabeth Mayer (1993), “A Critique of An-Naim’s Assessment of Islamic Criminal Justice” dalam *Islamic Law Reform and Human Rights - Challenges and Rejoinders*, Oslo: Tore Lindholm and Kari Vogt, (Ed.), Nordic Human Rights Publications, h. 38; Tetapi Norman Anderson hanya menyebut Semenanjung Arab, Utara Nigeria dan Afghanistan. Manakala negara-negara Islam lain seperti Turki, Mesir, dan Sudan dikatakan mempunyai undang-undang jenayah yang dcedok dari Perancis atau Itali, lihat juga Norman Anderson (1976), *Law Reform in the Muslim World*, University of London: The Athlone Press, h. 87-88.
 2. Ann Elizabeth Mayer, *ibid.*, h. 63.
 3. Al-Qur’an, 2: 217.
 4. Perbincangan lanjut dalam perdebatan ini akan dikemukakan dalam makalah ini.
 5. Perkara 11(1), Perlembagaan Persekutuan.
 6. Perkara 5(1) menyebut “Tiada seseorang pun boleh diambil nyawanya atau dilucutkan kebebasan dirinya kecuali menurut undang-undang.”
 7. Perkara 4(1), Perlembagaan Persekutuan.
 8. Abū A’lā al-Mawdūdī (1982), *Human Rights in Islam*, Leceister: Islamic Foundation, h. 11; Katerina Dalacoura juga ada mengatakan “konsep hak asasi manusia walaupun berasal dari Eropah, ia bukanlah hanya dikhususkan untuk budaya Barat sahaja tetapi sebenarnya ia mengikat keseluruhan manusia dari pelbagai latar belakang”, lihat Katerina Dalacoura (1998), *Islam, Liberalism and Human Rights - Implications For International Relations*, London: I.B Taurus Publishers, h. 41.
 9. *Ṣaḥīfah Madīnah* mempunyai lima puluh dua seksyen/perkara yang menggariskan prinsip asas hak-hak asasi manusia. Muḥammad Ḥamīdullāh menganggap ia sebagai perlembagaan bertulis pertama di dunia; lihat Muḥammad Ḥamīdullāh (1981), *The First Written Constitution of the World*, Lahore: Sh. Muhammad Ashraf Ltd. Lihat juga Abdullah Alwi Hj. Hassan, “Perlembagaan Madinah: Satu Huraian Ringkas” *Jurnal Syariah*, Jilid. 2, Bahagian 1, Julai, 1993, h. 182-198.

10. Joseph Schacht (1970), *Law and Justice*, Vol. 11, The Cambridge History of Islam, h. 541.
11. Henry Siegmen (1964), "The State and Individual in Sunni Islam," *The Muslim World*, No. 54, h. 23.
12. Untuk melihat senario mengenai kepekaan terhadap perkembangan hak-hak asasi manusia di kalangan negara-negara Islam, sila lihat Fred Halliday (1999), *Islam and The Myth of Confrontation*, London: I.B. Tauris Publishers, h. 133-141; lihat juga Ann Elizabeth Mayer (1999), *Islam and Human Rights Tradition and Politics*, Westview Press, h. 149-150.
13. Fred Halliday, *ibid.*, h. 135; Ann Elizabeth Mayer, *ibid.*
14. John Kelsay, "Saudi Arabia, Pakistan and the Universal Declaration of Human Rights" dalam *Human Rights and the Conflict of Cultures: Western and Islamic Perspectives on Religious Liberty*, David Little, dll (ed.), University of South Carolina Press, 1988, h. 34-37; lihat juga Ann Elizabeth Mayer, *Islam and Human Rights*, h. 10-11, 149-150.
15. John Kelsay, *ibid.*, h. 36-37; Ann Elizabeth Mayer, *ibid.*
16. Deklarasi Mengenai Hak-hak Asasi Manusia pada akhirnya diluluskan oleh PBB dengan undian 48-0 dengan lapan negara berkecuali.
17. Ann Elizabeth Mayer, *Islam and Human Rights, op.cit.*, h. 150.
18. Andy Yeo and Eric Chin, "Freedom of Religion: The Protection & Promotion of Religious Rights A Commonwealth Survey," *12th Common Law Conference*, K. Lumpur, 1999, h. 1-2.
19. Khurshid Ahmad (1988), "Islam: Basic Principles and Characteristics" dalam *Islam: Its Meaning and Message*, Khurshid Ahmad (ed.), Leicester: The Islamic Foundation, h. 37.
20. Hammūdah Abdalati (1975), *Islam in Focus*, Indianapolis: American Trust Publications, h. 30.
21. Sayyed Hossein Nasr (1985), *Ideals and Realities of Islam*, London: George Allen & Unwin, h. 20; lihat juga Katerina Dalacoura, *Islam, Liberalism and Human Rights*, h. 43.
22. Al-Qur'an, 18: 29.
23. *Ibid.*, 2: 256.
24. Katerina Dalacoura, *Islam, Liberalism and Human Rights*, h. 47.
25. Rashīd al-Ghannūshī (1993), *Ḥuqūq al-Muwāṭānah: Ḥuqūq Ghayr al-Muslim fī al-Mujtamā' al-Islāmī (Citizenship Rights: The Rights of Non-Muslim Society)*, Hendon: International Institute of Islamic Thought (IIIT), h. 57.
26. Muhammad Umar Chapra, "Objectives of the Islamic Economic Order" dalam *Islam: Its Meaning and Message*, Khurshid Ahmad (ed.), h. 189.
27. *Ibid.*, h. 188.

28. Sultan Tabendehn (1996), *A Muslim Commentary on the Universal Declaration of Human Rights*, (terj.: F.J. Goulding), Iran, h. 70-74.
29. Bernard Lewis (1993), *Islam and The West*, Oxford University Press, h. 73. Lihat juga Samuel M. Zwemer (1924), *The Law of Apostasy in Islam*, London: Marshal Brothers Ltd., Bab 2.
30. Dalam surah al-Baqarah, ayat 217, Allah SWT berfirman: “Barang siapa yang murtad di antara kamu dari agamanya, lalu dia mati dalam kekafiran, maka mereka itulah yang sia-sia amalannya di dunia dan di akhirat, dan mereka itulah penghuni neraka, mereka kekal di dalamnya;” lihat juga Mohamed S. El-Awa (1982), *Punishment in Islamic Law*, American Trust Publications, h. 50.
31. Lihat Katerina Dalacoura, *Islam, Liberalism and Human Rights*, h. 46.
32. *Ibid.*
33. *Ibid.*
34. *Lisān al-‘Arab*, Jil. 3, Beirut: Dār Ṣadīr, 1374H/1955M, h. 173; terdapat banyak ayat-ayat al-Qur’an yang menyebut perkataan tersebut. Di antaranya ialah Surah al-Mā’idah, 5: 21; Surah Yūṣuf, 12: 96; Surah al-Kahf, 18:64; Surah Muḥammad, 47: 25 dan Surah al-Naml, 27: 40.
35. Untuk contoh-contoh murtad melalui perbuatan, perkataan dan iktikad, lihat Mohamed Azam Mohamed Adil, “Undang-undang Murtad: Suatu Penilaian Dari Perspektif Fiqh Dan Undang-undang di Malaysia” [Mac 1997] 9 *KANUN (1)* h. 1-3; lihat juga Paizah Haji Ismail (1991), *Undang-undang Jenayah Islam*, Kuala Lumpur: ABIM, h. 244; lihat juga Mahfodz Mohamad (1993), *Jenayah Dalam Islam Satu Kajian Ilmiah Mengenai Hukum-hukum Hudud*, Kuala Lumpur: Nurin Enterprise, h. 123-129.
36. Al-Dusūqī (t.t), *Hashiah al-Dusūqī*, Dār al-Fikr, Jil. 4, h. 309; Duff’s Miscellaneous Works, *Abolition of the Death Penalty for Musalmans Embracing Chistianity in Turkey: Correspondence Between Sir Culling E. Eardley and Rev. Dr. Duff*, Jil. 5, h. 17.
37. Abdullahi An-Naim (1990), *Toward An Islamic Reformation: Civil Liberties, Human Rights and International Law*, New York: Syracuse University Press, h. 104-105.
38. Abdullahi An-Naim, *Toward An Islamic Reformation*, *ibid.*, h. 108.
39. *Ibid.* Untuk perbincangan lanjut mengenai kesalahan ḥudūd, lihat Muḥammad ‘Atā Alsīd Sidahmad, *The Ḥudūd*, Petaling Jaya, h. 36-40.
40. Muḥammad ‘Atā Alsīd dalam hal ini berpendapat bahawa walaupun mazhab Ḥanafī membincangkan kesalahan murtad berasingan dari bab kesalahan-kesalahan ḥudūd, mereka masih beranggapan bahawa kesalahan ini hendaklah dihukum dengan hukuman mati; lihat Muḥammad ‘Atā Alsīd Sidahmad, *ibid.*, h. 38.
41. Al-Kāsānī (1327H/1910M), *Badā’i’ al-Ṣanā’i’*, Jil. 7, Mesir, h. 33.
42. *Al-Fatāwā al-‘Alamgiriyyah (al-Fatāwā al-Hindiyyah)*, Jil. 3, Mesir, (t.t.), h. 506.
43. Abdullahi An-Naim, *Toward An Islamic Reformation*, *op.cit.*, h. 108; lihat juga Muḥammad ‘Atā Alsīd Sidahmad, *The Ḥudūd*, h. 36-40. Walau bagaimanapun

Enakmen Jenayah Syariah (II) Kelantan membisu dalam hal ini. Ini berikutan pihak yang menggubal deraf undang-undang tersebut tidak memasukkan kesalahan *al-baghy* ke dalam Enakmen tersebut berikutan perbezaan fuqaha' sama ada ia merupakan kesalahan hudud atau tidak; Lihat Mohamed Azam Mohamed Adil, "Enakmen Jenayah Syariah (II) Kelantan [1993]: Satu Kajian Ringkas Bersama Kanun Kesiksaan Malaysia," *Jurnal Syariah*, Vol. 3, No. 1, 1995.

44. Al-Qur'an, 2: 256.
45. Abdullahi An-Naim, *Toward An Islamic Reformation*, *op.cit.*, h. 109. Perbahasan mengenai Hadith-hadith tersebut akan dimuatkan dalam makalah ini dalam perbincangan lanjut.
46. Muḥammad Abū Zahrah (1963), *Falsafah al-'Uqūbah fī al-Fiqh al-Islāmī*, Ma'had al-Dirāsāt al-'Arabīyyah al-'Aliyyah, h. 192; lihat juga Mohamed S. El-Awa, *Punishment in Islamic Law*, h. 50.
47. Mohamed S. El-Awa, *ibid*; lihat juga al-Samara'ī, *Aḥkām al-Murtad Fī al-Sharī'ah al-Islāmiyyah*, Beirut: Dār al-Arabiyyah, h. 29-33.
48. Walau bagaimanapun, menurut S.A Rahman, terdapat tidak kurang dua puluh kali al-Qur'an menyebut perkataan murtad, lihat S.A Rahman (1996), *Punishment of Apostasy in Islam*, New Delhi: Kitabbhavan, Bab 1.
49. Mohamed S. El-Awa, *Punishment*, h. 50.
50. Abdullahi An-Naim, *Toward An Islamic Reformation*, h. 109.
51. Lihat Mohamed S. El-Awa, *Punishment in Islamic Law*, *op.cit.*, h. 50; Di antara orientalist yang mempunyai pendirian yang sama dalam hal ini ialah Noel J Coulson (1964), *A History of Islamic Law*, Edinburgh University Press, h. 124; Rodolphe J.A. De Seife (1994), *The Sharia - An Introduction to The Law of Islam*, London: Austin & Winfield, h. 64.
52. Mohamed S. El-Awa, *ibid.*, h. 50.
53. *Ibid.*
54. *Ibid.*
55. *Ibid.*
56. Mohamed S. El-Awa, *ibid.*, h. 51.
57. *Ibid*, h. 51-53.
58. Mohamed S. El-Awa, *ibid.*; lihat juga al-Samara'ī, *Aḥkām al-Murtad*, h. 36; Dalam ayat 33-34 Surah al-Mā'idah, Allah berfirman: "Sesungguhnya pembalasan terhadap orang-orang yang memerangi Allah dan RasulNya dan membuat kerosakan di muka bumi, hanyalah mereka dibunuh atau disalib, atau dipotong tangan dan kaki mereka dengan bertimbal-balik, atau dibuang dari negeri (tempat kediamannya). Yang demikian itu (sebagai) suatu penghinaan untuk mereka di dunia, dan di akhirat mereka beroleh siksaan yang besar, kecuali orang-orang yang bertaubat (di antara mereka) sebelum kamu dapat menguasai (menangkap) mereka; maka ketahuilah bahawasanya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang."

59. Mohamed S. El-Awa, *ibid.*, h. 51-53.
60. Mohammad Hashim Kamali (1997), *Freedom of Expression in Islam*, Cambridge: Islamic Texts Society, h. 93.
61. Al-Shawkānī (t.t), *Nayl al-Awtār*, Jil. 7, Beirut: Dār al-Jīl, h. 193.
62. Mohammad Hashim Kamali, *Punishment in Islamic Law - An Enquiry Into The Hudud Bill of Kelantan*, Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar, h. 34-37.
63. Mohammad Hashim Kamali, *Freedom of Expression in Islam*, *op.cit.*, h. 93; lihat juga S.A. Rahman, *Punishment of Apostasy*, h. 63-64.
64. Dipetik dari Mohamed Azam Mohamed Adil, "Undang-undang Murtad: Suatu Penelitian Dari Perspektif Fiqh Dan Undang-undang di Malaysia", [Mac 1997] 9 *KANUN (1)*, h. 3; Lihat juga kertas kerja Mohamed Azam Mohamed Adil, "Peruntukan Undang-undang Murtad di Malaysia: Realiti, Cabaran dan Harapan" dalam *Seminar Faham Agama dan Gejala Murtad* anjuran Jabatan Agama Islam Negeri Sembilan di Seremban pada 25 Oktober 1998, h. 49.
65. Terdapat banyak penulisan yang menyentuh tentang isu ini. Di antara mereka ialah Ahmad Ibrahim, "Freedom of Religion Under The Federal Constitution", *Jurnal Perundangan*, Jil. 1, Bil.2, Jun 1991, h. 1-14; Kamal Halili Hassan, "Hak Kebebasan Beragama Di Bawah Perlembagaan Malaysia," *ibid.*, h. 15-23; Nik Ahmad Kamal Nik Mahmood (1994), "Kedudukan Undang-undang Islam Dalam Perlembagaan Malaysia" dalam Ahmad Ibrahim dll, *Al-Ahkam – Islam Dalam Perlembagaan*, Jil. 4, h. 1-15; Mahmud Saedan Awang Othman, "Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia", *ibid.*, h. 16-44; Abdul Mohaimin Noordin Ayus, "Agama Dan Perlembagaan: Suatu Isu Pentafsiran" [Disember 1996] 8 *KANUN (4)* h. 23-35; Hasan Bahrom, "Perlembagaan: Isu Perlaksanaan Undang-undang Islam" *Jurnal Syariah*, Jil. 7, Bil.1, Januari 1999, h. 79-96. Terdapat banyak juga penulisan yang sama apabila penulis-penulis membincangkan undang-undang Islam di Malaysia. Ini dapat dilihat dalam Ahmad Ibrahim (1997), *Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: IKIM; Hamid Jusoh (1991), *The Position of Islamic Law In The Malaysian Constitution With Reference to The Conversion Case In Family Law*, Kuala Lumpur: DBP; Abdullah Alwi Haji Hassan (1996), *The Administration of Islamic Law in Kelantan*, Kuala Lumpur: DBP; Ahmad Hidayat Buang (Penyunting.), *Undang-undang Islam di Mahkamah-mahkamah Syariah di Malaysia*, Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1999 dan banyak lagi.
66. [1988] 2 *MLJ* 55.
67. *Ibid.*
68. *Ibid.*
69. Andrew Harding (1996), *Law, Government and the Constitution in Malaysia*, Kluwer Law International, h. 201.
70. Ini dapat lihat dalam Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama-agama Bukan Islam Johor 1991 (Enakmen 12/1991), Enakmen Kawalan dan Sekatan

Pengembangan Agama Bukan Islam Kedah 1988, Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam Kelantan 1981 (Enakmen 11/1981), Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam Kepada Orang Islam Melaka 1988 (Enakmen No. 1 tahun 1988), Enakmen Kawalan dan Sekatan (Pengembangan Agama-agama Bukan Islam di Kalangan Orang-orang Islam Negeri Sembilan 1991, Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam Pahang 1989 (Enakmen 5/1989), Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam Perak 1988 (Enakmen 10/1988), Enakmen Agama Bukan Islam (Kawalan Pengembangan di Kalangan Orang Islam Selangor 1988 (Enakmen 1/1988) dan Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam Terengganu 1980 (Enakmen 1/1980).

71. Ini merupakan kes pertama yang didakwa di bawah Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama-agama Bukan Islam di Malaysia yang diputuskan di Mahkamah Majistret Temerloh, kes rujukan [MA 83-146-2002]. Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada Sdri Juwairiah Ahmad Tajuddin, pelajar Jabatan Syariah dan Undang-undang, APIUM kerana telah membantu penulis mendapatkan maklumat ini.
72. Lihat *Minister of Home Affairs V Jamaludin @ Yeshua Jamaludin Bin Othman* [1989] 1 MLJ 418.
73. Perkara 160 Perlembagaan Persekutuan mendefinisikan Melayu sebagai “seseorang yang menganut agama Islam, lazim bertutur dalam bahasa Melayu dan sentiasa mengamalkan adat istiadat Melayu.”
74. Zuliza Mohd. Kusrin sebagai contoh telah mengemukakan dua jenis sekatan-sekatan perundangan terhadap kebebasan beragama di Malaysia iaitu sekatan-sekatan dalam peruntukan Perlembagaan Persekutuan sendiri seperti Perkara 11(5) dan Perkara 10(2) Perlembagaan Persekutuan; dan sekatan-sekatan biasa seperti Akta Hasutan 1984 (disemak 1969) (Akta 15), Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (Akta 301), Akta Pertubuhan 1966 (Akta 335), Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) 1960 (Akta 82), Akta Polis 1967 (Akta 344) (Disemak 1988) dan Kanun Kesiksaan (N.M.B. Bab 45); Untuk bacaan lanjut mengenai sekatan-sekatan dalam kebebasan beragama, sila rujuk Zuliza Mohd. Kusrin, “Sekatan-sekatan Perundangan Terhadap Kebebasan Beragama di Malaysia” dalam *Isu Syariah dan Undang-undang*, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, UKM, 2001, h. 79-90.
75. Kerajaan Malaysia melalui Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah mengeluarkan arahan menahan beberapa pemimpin dan pengikut Syiah, di antaranya ialah Profesor Dr. Lutfi Ibrahim dari Jabatan Pengajian Islam, Universiti Malaya. Berikutan dari penahanan tersebut, Jawatankuasa-jawatankuasa Fatwa Negeri-negeri termasuk Majlis Fatwa Kebangsaan telah mengeluarkan fatwa tentang penyelewengan akidah dalam mazhab Syiah; lihat Jamila Hussain (1999), “Freedom of Religion in Malaysia: The Muslim Perspective” dalam Wu Min Aun (ed.), *Public Law in Contemporary Malaysia*, Petaling Jaya: Longman, h. 125.

76. Jamila Hussain, *ibid.*, h. 127; Majlis Fatwa Kebangsaan diikuti dengan Jawatankuasa Fatwa Negeri-negeri juga telah mengeluarkan fatwa mengenai penyelewengan akidah yang terdapat dalam pertubuhan al-Arqam dan mengharamkan pertubuhan tersebut; lihat Ahmad Hidayat Buang dll., "Penganalisan Fatwa-fatwa Semasa di Malaysia," Projek IRPA, Universiti Malaya, 2000, h. 618-621.
77. Jamila Hussain, *ibid.*, h. 127.
78. Lihat Ahmad Hidayat Buang dll., "Penganalisan Fatwa-fatwa Semasa di Malaysia," h. 618-621.
79. Jamila Hussain, *op.cit.*, h. 127.
80. [1994] 3 *MLJ* 61.
81. [2000] 5 *MLJ* 375.
82. YA Hakim Dato' Mohd Noor Abdullah dalam penghakiman ini telah membezakan kaitan kes ini dengan kes Hjh Halimataussadiah yang mana beliau terikat dengan keputusan Mahkamah Agung (ketika itu); Untuk bacaan lanjut mengenai komentari kes Meor Atiqulrahman, sila lihat Dr. Abdul Aziz Bari, "Islam in the Federal Constitution: A Commentary on the Decision of Meor Atiqulrahman," [2000] 2 *MLJ* cxxix.
83. Untuk perbincangan lanjut mengenai sekatan-sekatan undang-undang ini, lihat Zuliza Mohd. Kusrin, h. 82.
84. Keputusan ini telah dikritik hebat oleh para pendukung hak asasi manusia termasuk seorang peguam kanan yang mempersoalkan bagaimana pemakaian purdah boleh dikatakan berlawanan dengan undang-undang awam (*public order*) sedangkan pihak perayu telah sekian lama memakainya dan tidak berlaku apa-apa kejadian yang luar biasa berlaku di pejabatnya; lihat lebih lanjut Zainur Zakaria, "Religious Freedom: Right To Wear Purdah", [1993] 3 *MLJ* pp.xxv-xxx.
85. Dalam pengamatan penulis, terdapat satu kes yang sedang menunggu perbincangan di Mahkamah Syariah Kelantan. Dilaporkan bahawa Daud Bin Mamat dan tiga yang lain telah mengisytiharkan diri mereka keluar Islam (murtad). Sebelum perisytiharan tersebut dibuat, mereka telah dijatuhkan hukuman penjara tiga tahun oleh Mahkamah Tinggi Syariah Kelantan setelah gagal menghadirkan diri di Pejabat Kadi setiap bulan selama tiga tahun untuk tujuan kaunseling dan bertaubat di atas penglibatan ajaran sesat. Kemudian itu, mereka telah menfailkan satu kes terhadap Majlis Agama Islam Kelantan di Mahkamah Tinggi Sivil Kelantan di Kota Bharu memohon beberapa deklaras *inter alia* bahawa hak kebebasan agama seperti yang diperuntukkan dalam Perkara 11 (1) Perlembagaan Persekutuan telah dicabuli. Mahkamah Tinggi Sivil memutuskan menolak permohonan mereka dengan beberapa alasan, antara lain bahawa persoalan hak kebebasan beragama seperti yang termaktub dalam Perkara 11(1) Perlembagaan Persekutuan tidak berbangkit buat masa itu memandangkan pengesahan murtad ke atas mereka belum lagi diputuskan oleh Mahkamah Syariah Kelantan. Kemudian, mereka telah membuat rayuan bagi mendapat pengisytiharan hak kebebasan beragama seperti yang diperuntukkan dalam Perkara 11(1) Perlembagaan Persekutuan dan rayuan *habeas corpus* supaya mereka

dibebaskan dari tahanan di Pengkalan Chepa di Mahkamah Rayuan Sivil dengan hujah bahawa Mahkamah Tinggi Sivil telah tersilap apabila merujuk kepada undang-undang Syariah Negeri ketika memutuskan bahawa Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa untuk menghukum mereka (perayu-perayu) dan juga alasan bahawa Mahkamah Syariah tidak mempunyai bidang kuasa ke atas mereka dengan alasan bahawa Enakmen Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) 1994 tidak terpakai ke atas orang bukan Islam justeru kerana mereka telah keluar Islam (murtad). Mahkamah Rayuan Sivil (sehingga makalah ini ditulis pada 18 Julai 2002) telah menangguh keputusan rayuan mereka; lihat *Daud Bin Mamat & Ors V Majlis Agama Islam Kelantan & Anor* [2001] 2 MLJ 390-391; [2002] 3 MLJ 728; lihat juga “Mahkamah Rayuan Tangguh Keputusan Kes Murtad” dalam *malaysiakini.com*, 17 Julai 2002; lihat juga *Kamariah Ali & Ors V Kerajaan Negeri Kelantan & Anor* [2002] 3 MLJ 657.

86. Mohamed Azam Mohamed Adil, “Undang-undang Murtad: Suatu Penelitian Dari Perspektif Fiqh dan Undang-undang di Malaysia,” [Mac 1997] 9 *KANUN* (1), h. 6.
87. Seksyen 29 Undang-undang Pentadbiran Islam Terengganu, 1996; seksyen 13 Enakmen Undang-undang Jenayah Syariah Perak, 1992.
88. Seksyen 63(1) Enakmen Undang-undang Jenayah Islam Sabah, 1995; seksyen 102 Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Kelantan, 1994; seksyen 66 Enakmen Undang-undang Pentadbiran Islam Melaka, 1991.
89. Seksyen 90A, Enakmen Undang-undang Pentadbiran Islam Negeri Sembilan, 1991.
90. Sebagai contoh, lihat seksyen 8 Rang Undang-undang Pemeliharaan Aqidah Selangor, 2000.
91. Dalam kes *Che Omar bin Che Soh V Public Prosecutor* [1988] 2 MLJ 55, Tun Salleh Abbas, Ketua Hakim Negara (ketika itu) dalam membuat keputusan mengakui bahawa “walaupun agama Islam itu bukanlah hanya tujuan peribadatan malah meliputi segenap kehidupan manusia (*way of life*), namun peruntukan dalam Perkara 3(1) hanya membawa maksud bahawa peranan agama Islam tidak lain hanya untuk peribadatan dan diberi tempat dalam majlis-majlis rasmi.”
92. Lihat “Debat Pemulihan Akidah - Undang-undang Murtad Hanya Burukkan Imej Islam dalam Wawancara, *Mingguan Malaysia*, 1 Oktober 2000, h. 7.